


KERATAN: Utusan Borneo TARIKH: 21.09.2014
: _____ M/S : (B7)

S. Mala: Tokoh Penulis Negeri Sabah

Penulis yang

mendahului zaman



**ANGIN
PERUBAHAN**

JASNI MATLANI

SAJA mempunyai sekurang-kurangnya tiga kenangan manis bersama Tokoh Penulis Negeri Sabah S. Mala atau nama sebenarnya Mohd. Saidi Lampoh.

Kenangan manis yang pertama, saya tidak ingat tarikhnya dengan tepat, tetapi saya fikir pada pertengahan tahun 1990-an. Beliau hadir memenuhi undangan kami dalam sebuah majlis yang diadakan di Petagas, Kota Kinabalu, kerana kebetulan beberapa orang penulis veteran diraikan pada majlis berkenaan, yang juga merupakan sahabat seangkatan beliau, antaranya Allahyarham Datuk Khalik Zaman, K. Bali (Allaharham), Datuk Jamdin Buyong, Datuk Shuhibun Yusoff (Alahyarham), dan juga Hajah Dayang Salmah Salam.

Pada ketika itu, saya diberi gambaran bahawa beliau tidak lagi berminat dalam bidang penulisan, dan berpegang kepada ideologi politik yang berbeza dengan pemerintah, tetapi saya tidak peduli. Sama ada beliau suka atau tidak dengan majlis sastera, sama ada beliau mahu bergaul dan berkongsi pengalaman dengan penulis muda, saya tidak kisah. Saya memberitahu kawan-kawan ketika itu, bahawa beliau mesti dijemput, dan akhirnya beliau muncul dalam majlis itu berbaju lengan pendek warna putih, dan menjadi tetamu kehormat kami. Saya percaya dalam satu era, hanya muncul beberapa orang penulis, dan beliau adalah salah

seorang penulis bagi eranya.

Kali kedua saya berurusan dengan S. Mala ialah ketika beliau menerbitkan surat khabar *Mingguan Waktu*. Beliau datang berjumpa saya di Asia City, Kota Kinabalu. Perbualan kami ringkas sahaja, beliau meminta saya membuat reka letak untuk surat khabar berkenaan, seterusnya meminta saya sama-sama menyumbangkan tulisan dalam akhbar *Mingguan Waktu* itu. Saya bersetuju, tanpa berfikir panjang, kerana berbangga dapat melakukan sesuatu untuk seorang penulis besar Sabah, yang tentunya merupakan satu penghormatan bagi saya ketika itu.

Mengingatkan kisah membantu S. Mala menerbitkan akhbar *Mingguan Waktu* itu, membuatkan saya terkenang cerita ini, pada zaman dahulu ada seekor kuda yang hidupnya tidak bahagia. Apabila orang mempersoalkan kenapa kuda itu tidak bahagia, itu tidak lain adalah kerana kuda itu tidak berusaha membuat kuda lain hidup berkesan dan bahagia. Justeru, saya tidak mahu menjadi kuda yang tidak mahu membahagiakan kuda lain, sebab itu saya berusaha membantu S. Mala menerbitkan akhbar itu. Malangnya, akhbar *Mingguan Waktu* itu hanya dapat diterbitkan beberapa keluaran sahaja. Saya menunggu akhbar itu diterbitkan lagi, tetapi itu tidak pernah menjadi kenyataan.

Kenangan manis yang ketiga bersama S. Mala ialah apabila saudara Juri Durabi terlanjur berjanji hendak membantu S. Mala menerbitkan karyanya berbentuk puisi, cerpen dan esei kritikan yang tersiar secara eceran dalam pelbagai media, dalam bentuk buku. Mengingatkan cerita itu saya tersenyum panjang seorang diri. Bayangkanlah wajah sugul Juri Durabi setiap kali beliau bertemunya, setelah pihak DBP menolak menerbitkan buku S. Mala itu. Saya tahu buku itu bakal ditolak sebelum dihantar ke DBP, tetapi saya hanya berdiam diri sahaja, dengan

harapan agar DBP ringan hati menerbitkannya berdasarkan sumbangan dan ketokohan S. Mala dalam konteks sastera Sabah dan kebangsaan.

Namun jangkakan saya meleset. Buku itu tetap tidak dapat diterbitkan, mungkin kerana konsepnya bercelaru, yang mencampur-adukkan puisi, cerpen dan juga esei kritikan dikumpulkan dalam sebuah manuskrip. Dankedua, mungkin juga kerana manuskrip buku itu memerlukan penambahbaikan yang berat, terutama dari segi langgam bahasanya yang lebih dekat kepada langgam bahasa karya kreatif dan bukan kreatif yang dihasilkan pada tahun 1960-an dan 1970-an. Sebab itu buku S. Mala itu tidak diterbitkan.

Bagaimanapun masalahnya, saudara Juri Durabi, sudah terlanjur berjanji, dan niatnya memang sangat ikhlas. Beliau mahu supaya penulis sehebat S. Mala itu mesti ada buku sendiri, walaupun hanya sebuah buku. Kedua beliau mahu supaya S. Mala yang hanya ditemuinya di masjid itu, tergerak hati untuk menulis kembali, dan menghasilkan karya sebagai tatapan anak bangsa. Beliau mahu supaya S. Mala tidak mengenal erti bersara dalam bidang penulisan, dan kalau boleh biarlah beliau menjadi mancis yang menyalakan api S. Mala dalam bidang penulisan. Sebab itu beliau sugul, dan sering mengadu kepada saya apabila buku itu gagal diterbitkan.

Akhirnya, saya bersetuju menerbitkan buku itu di bawah BAHASA secara ala kadar dan bersesuaian dengan kemampuan kami ketika itu. Pertama sekali, saya meminta supaya Juri mengumpulkan semua puisi S. Mala untuk dibukukan terlebih dahulu, kerana saya melihat kekuatan puisi S. Mala pada zaman kegemilangannya. Malangnya puisi S. Mala yang dikumpulkan itu terlalu sedikit. Hanya 17 buah sahaja. Tidak mencukupi untuk dijadikan sebuah buku. Saya kemudian meminta beliau mengumpulkan cerpen S. Mala.

Setelah beberapa minggu kemudian Juri Durabi muncul membawa hanya 11 buah cerpen S. Mala. Saya tanya sama ada masih terdapat lagi cerpen lain, supaya buku itu nampak cantik, tebal dan lebih mencerminkan ketokohan penulisnya, malangnya Juri Durabi hanya menggelengkan kepala. Justeru, saya tidak ada pilihan, melainkan meneruskan penerbitan buku itu, dan Alhamdulillah buku itu dapat diterbitkan pada tahun 2013. Bagaimanapun saya masih mahu menerbitkan buku kumpulan puisi S. Mala, jika sekiranya beliau dapat mengumpulkan sekurang-kurangnya 60 buah karya puisi beliau untuk diterbitkan.

S. Mala atau Mohd. Saidi Lampoh lahir pada 1 Julai 1941 di daerah Papar, Sabah. Beliau mula mendapat pendidikan di GPS, daerah Papar sehingga darjah enam. Selepas itu beliau bersekolah di GES Tanjung Aru. Disebabkan minatnya dalam bidang kewartawanan dan penulisan, bermula tahun 1960 beliau menjadi pengarang akhbar Daily Express. Semasa menjadi ketua pengarang akhbar inilah peribadi mulianya sebagai penulis sangat terserlah.

Kata Haji Mastun, beliau tidak pernah membakul-sampahkan karya penulis negeri Sabah. Seburuk mana pun karya cerpen atau puisi yang dihantar kepadanya, beliau akan memperbaikinya, sehingga boleh diterbitkan. Namun kata Haji Mastun lagi, jika kamu berbuat baik kepada seseorang, jangan diingat. Sebaliknya jika seseorang berbuat baik kepada kamu, janganlah pernah melupakannya. S. Mala adalah salah seorang penulis yang tidak harus dilupakan selama-lamanya kerana kebaikan itu.

Sayangnya takdir beliau bersama syarikat akhbar berkenaan hanya sehingga tahun 1964 sahaja. Beliau kemudian meninggalkan Daily Express, dan menjadi penerbit rancangan radio di RTM Kota Kinabalu sehingga tahun 1970. Dua tahun selepas meninggalkan akhbar Daily Express itu,

iaitu pada tahun 1966, beliau menamatkan zaman bujangnya, dan memutuskan untuk berkahwin dengan seorang ratu cantik Tamu Besar Papar, yang juga merupakan seorang guru terlatih dari Maktab Perguruan Kent Tuaran, Normahani Talib. Hasil perkahwinan itu beliau dikurniakan lima orang anak, empat orang perempuan dan seorang lelaki.

Selepas meninggalkan RTM, dan hanya aktif dalam gerakan sastra, pada masa yang sama beliau juga berjinak-jinak dalam dunia politik. Kemuncaknya ialah beliau menjadi calon parti Berjaya bagi kawasan Papar pada PRU 1981. Beliau menang dalam pilihanraya itu, dan kemudian dilantik sebagai Setiausaha Politik Menteri Kewangan, seterusnya dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Perumahan Negeri Sabah, sehingga parti Berjaya tewas pada PRU 1984. Selepas itu beliau menyertai beberapa buah parti politik untuk meneruskan kerjaya politiknya, tetapi gagal.

Sementara itu, dalam bidang penulisan, beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya 17 buah puisi, ketika ditanya kenapa sedikit, beliau secara tegas menjawab, "Biar karya sedikit tetapi bermutu". Salah sebuah daripada puisinya yang bermutu itu ialah puisi "Cerita Sebuah Kota" yang

membuatkan beliau terkenal bukan sahaja di Sabah, malah di Malaysia.

Saya pernah mengulas puisi berkenaan lebih kurang begini; "Kualiti puisi "Cerita Sebuah Kota" bagi saya, sama ada dari segi bahasa, mesej dan teknik pengucapannya sebenarnya mendahului zaman. Bentuk pengucapannya unik, bahasanya indah, kontras dan sikapnya berkobar-kobar dan terkedepan. Ciri-ciri kepenyairannya setaraf Chairil Anwar di Indonesia, atau lebih baik lagi, sesuai dengan sejarah dan budaya kita."

Namun, puisi "Cerita Sebuah Kota" sebenarnya buat pertama kali diterbitkan dalam antologi puisi berjudul "Kinabalu Mencakar Langit" yang diusahakan penerbitannya oleh S. Mala sendiri bersama Kisanawati. Buku antologi puisi itu diterbitkan beberapa bulan selepas Badan Bahasa Sabah (BAHASA) ditubuhkan pada Mac 1970. Beliau sendiri yang mengumpulkan puisi dan memberikan kata pengantar antologi puisi berkenaan.

Puisi "Cerita Sebuah Kota" itu kemudian diterbitkan semula dalam Majalah Bahasa, terbitan DBP Kuala Lumpur, dan merupakan satu-satunya karya penulis Sabah yang diterbitkan di peringkat kebangsaan dan menang Hadiah Sastra Malaysia ketika itu. Malangnya, disebabkan puisi itulah S. Mala akhirnya ditangkap, seterusnya ditahan di Balai Polis Kepyayan selama 28 hari. Beliau sedih dengan penahanan berkenaan, tetapi bagi S. Mala, perjuangan mesti diteruskan. Seorang penulis mesti mempunyai idealisme yang perlu diperjuangkan. Orang yang berani bukanlah orang yang tidak merasa takut, tetapi orang yang mengalahkan rasa takut itu dengan penuh keberanian.

Setelah bebas daripada tahanan, Sasterawan Negara Usman Awang, dan Ahmad

Boestamam melawat beliau di Papar, bertanyakan keadaannya. Lawatan itu juga merupakan kunjungan balas Sasterawan Negara itu terhadap kunjungan S. Mala di Kuala Lumpur, beberapa lama sebelum penahanannya. Beliau sanggup pergi ke Kuala Lumpur kerana minatnya yang mendalam terhadap SN Usman Awang dan juga Ahmad Boestamam.

Apabila menyentuh mengenai penglibatan S. Mala dalam konteks gerakan sastra di Sabah, saya baru mengetahui bahawa beliau adalah antara orang yang pertama mencadangkan agar dua buah persatuan penulis yang saling bersaing di Sabah ketika itu, iaitu APMS dan PERPESA bergabung. Beliau sendiri juga yang mula mencadangkan agar nama BAHASA digunakan bagi dua buah persatuan yang bergabung itu nanti, melalui siaran radio yang diterbitkannya. BAHASA bermaksud singkatan nama Badan Bahasa Sabah.

Apabila penggabungan itu menjadi kenyataan dan direalisasikan pada 19 Mac 1970, nama itu dikekalkan dan terus digunakan sehingga hari ini. Hanya pada tahun 2005 apabila saya menerajui BAHASA, saya menambah perkataan "Sastera", dalam nama penuh, badan sastra yang tertua di Sabah itu menjadi "Badan Bahasa dan Sastra Sabah", tetapi singkatannya masih tetap sama iaitu BAHASA.

S. Mala juga menulis sejumlah cerpen dan esei kritikan. Malah, sebahagian besar cerpen yang dihasilkannya telah dimuatkan dalam buku kumpulan cerpen "Lorong Kelabu" terbitan Iris Publishing (2013). Cerpen yang dihasilkannya itu bagi saya, sangat menarik, bahasanya padat, indah, lancar dan sarat dengan kritikan sosial. Gaya penulisannya juga mendahului zaman, berbanding beberapa orang penulis Sabah sezamannya.



“S.Mala atau Mohd. Saidi Lampoh lahir pada 1 Julai 1941 di daerah Papar, Sabah. Beliau mula mendapat pendidikan di GPS, daerah Papar sehingga darjah enam. Selepas itu beliau bersekolah di GES Tanjung Aru. Disebabkan minatnya dalam bidangewartawanan dan penulisan, bermula tahun 1960 beliau menjadi pengarang akhbar Daily Express. Semasa menjadi ketua pengarang akhbar inilah peribadi mulianya sebagai penulis sangat terserlah. Kata Haji Mastun, beliau tidak pernah membakul-sampahkan karya penulis negeri Sabah. Seburuk mana pun karya cerpen atau puisi yang dihantar kepadanya, beliau akan memperbaikinya, sehingga boleh diterbitkan. Namun kata Haji Mastun lagi, jika kamu berbuat baik kepada seseorang, jangan diingat. Sebaliknya jika seseorang berbuat baik kepada kamu, janganlah pernah melupakannya. S.Mala adalah salah seorang penulis yang tidak harus dilupakan selama-lamanya kerana kebaikan itu.”